

**KESAN INTERVENSI KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR  
ADLER KE ATAS PERSEPSI TERHADAP KELUARGA,  
PENGHARGAAN KENDIRI DAN KEMURUNGAN  
DALAM KALANGAN REMAJA  
BERISIKO**

**NASIR BIN LEN**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2009**

**ABSTRAK**

Kajian reka bentuk eksperimen ini bertujuan untuk mengkaji kesan intervensi kaunseling kelompok Adler dalam meningkatkan persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri (penghargaan kendiri rakan sebaya dan penghargaan kendiri sekolah) dan menurunkan tahap kemurungan dalam kalangan remaja berisiko. Seramai 40 subjek telah dipilih dengan menggunakan pensampelan bertujuan. Subjek dipilih daripada pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Spaoh. Subjek telah dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Kajian ini telah dijalankan secara eksperimental ke atas 40 subjek dalam masa empat (4) minggu sebanyak lapan (8) sesi. Data kuantitatif telah dikumpulkan berdasarkan pra dan pos-ujian yang telah diukur menggunakan Skala Penaksiran Kerisauan Remaja- *Adolescent Concern Evaluation* (Springer, 1998). Data dianalisis berbantuan perisian SPSS-X Versi 16.0 menggunakan ujian-t pada aras signifikan .05. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ke atas persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri dan kemurungan di antara pelajar yang mengikuti dengan pelajar yang tidak mengikuti kaunseling kelompok. Secara keseluruhannya, kaunseling kelompok Adler berjaya meningkatkan persepsi terhadap keluarga, penghargaan kendiri dan menurunkan tahap kemurungan dalam kalangan remaja berisiko.



N IDRIS      UNIVER

**THE EFFECTIVENESS OF ADLERIAN GROUP COUNSELING  
INTERVENTION ON PERCEPTION TOWARD FAMILY,  
SELF-ESTEEM (SCHOOL SELF- ESTEEM AND PEERS  
SELF ESTEEM) AND DEPRESSION AMONGS  
AT RISK ADOLESCENT.**

### ABSTRACT

The purpose of this study was to assess the effects of Adlerian Group Counseling intervention in increasing perceptions toward family, self-esteem (peers self esteem and school self-esteem) and the reduction of depression of at risk adolescents. 40 subjects were chosen by using purposive sampling. Subjects were selected from Form 4 students of Sekolah Menengah Kebangsaan Spaoh, Betong, Sarawak. Subjects were placed into 2 groups, experimental group and control group. Research was done in 4 week with a total of 8 sessions. The quantitative data was collected based on pre-test and post test self report measured by using the Adolescent Concern Evaluation (Springer, 1998). The data was analyzed and processed by using the SPSS-X Version 16.0 to analyze t-test at the significant level .05. The result of the t- test showed that there is a significant difference in the perceptions towards family, self-esteem and depression between the students that were involved and those who were not involved in the Adlerian Group Counseling. The finding suggests that Adlerian Group Counseling increases perceptions towards family, self-esteem and reduction of depression of at risk adolescents.

**Halaman**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK BAHASA MELAYU	iv
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI SIMBOL	xviii

**BAB I PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.4.1 Objektif Umum	8
1.4.2 Objektif khusus	9
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.5.1 Bahagian A: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian pemboleh	14

ubah bersandar (PTK, PK dan KMR) dalam kelompok rawatan

**1.5.2 Bahagian B: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan 15**

pos-ujian pemboleh ubah bersandar (PTK,PK dan KMR)

dalam kelompok kawalan secara keseluruhan.

**1.5.3 Bahagian C: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan 15**

pos-ujian pemboleh ubah bersandar (PTK,PK dan KMR)

dalam kelompok rawatan secara keseluruhan.

**1.5.4 Bahagian D: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan 16**

pos-ujian pemboleh ubah bersandar (PTK, PK dan KMR)

antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan secara

keseluruhan.

**1.5.5 Bahagian E: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan 17**

pos-ujian pemboleh ubah bersandar (PTK,PK dan KMR)

dalam kelompok rawatan lelaki.

**1.5.6 Bahagian F: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan 18**

pos-ujian pemboleh ubah bersandar (PTK,PK dan KMR)

antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok kawalan lelaki.

1.5.8 Bahagian H: Perbezaan dalam bacaan min pra-ujian dan	19
--	----

pos-ujian memboleh ubah bersandar (PTK,PK dan KMR)

antara kelompok rawatan perempuan dan kelompok

kawalan perempuan.

1.6 Kesignifikanan Kajian	20
1.7 Batasan Kajian	22
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	24
1.8.1 Kaunseling Kelompok	24
1.8.2 Kaunseling kelompok berstruktur Adler	24
1.8.3 Remaja Berisiko	25
1.8.4 Persepsi Terhadap Keluarga (PTK)	26
1.8.5 Penghargaan Kendiri (PK)	27
1.8.6 Kemurungan (KMR)	30
1.9 Rumusan	31

## BAB II PENDEKATAN TEORI

2.1 Pendahuluan	32
2.2 Kerangka Konseptual Remaja Berisiko	32
2.3 Sejarah Ringkas dan Latar belakang Kelompok	35
2.4 Perspektif Psikologi Individu Adler	37
2.4.1 Aspek Teleologikal Psikologi Individu Adler	37

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>2.4.2 Aspek Sosial dan Psikologi Individu</b>				<b>41</b>
i. Kepunyaan dan Minat Sosial				<b>41</b>
ii. Konstelasi Keluarga				<b>44</b>
iii. Susunan Kelahiran dan Susunan Kedudukan				<b>44</b>
<b>2.4.3 Aspek Holistik</b>				<b>45</b>
i. Inferioriti Organ				<b>44</b>
ii. Cara Gaya Hidup				<b>46</b>
<b>2.4.4 Rumusan</b>				<b>47</b>
<b>2.5 Matlamat Tingkah laku Salah Kanak-Kanak</b>				<b>48</b>
2.5.1 Mendapat Perhatian				<b>48</b>
2.5.2 Kekuasaan				<b>49</b>
2.5.3 Balas Dendam				<b>50</b>
2.5.4 Kekurangan atau Ketidakupayaan				<b>50</b>
<b>2.6 Matlamat Tingkah laku Salah Remaja</b>				<b>50</b>
2.6.1 Superioriti, Keakuran dan Populariti				<b>51</b>
2.6.2 Ingkar, Seks Bebas dan Rasa Kekurangan				<b>53</b>
2.6.3 Ingin Kelihatan Menarik, cantik dan Seksual				<b>54</b>
2.6.4 Ingin menjadi Terlalu Intelektual dan Terlalu Warak				<b>55</b>
<b>2.7 Kerangka Intervensi Kaunseling Kelompok Adler</b>				<b>57</b>
<b>2.8 Rumusan</b>				<b>61</b>

### BAB III TINJAUAN LITERATUR

<b>3.1 Pendahuluan</b>	<b>62</b>
<b>3.2 Latar belakang Kajian ke atas Remaja Berisiko</b>	<b>62</b>
<b>3.3 Konsep Remaja Berisiko</b>	<b>64</b>
3.3.1 Perlakuan berisiko	64
3.3.2 Persekutuan berisiko	67

3.4	Hubungan Pembelahan Bersandar dengan Perlakuan bermasalah/ Berisiko	70
3.4.1	Hubungan antara penghargaan kendiri dengan perlakuan berisiko/ bermasalah	70
3.4.2	Hubungan antara kemurungan dengan perlakuan berisiko/ bermasalah	72
3.4.3	Hubungan antara persepsi terhadap keluarga dengan perlakuan berisiko/ bermasalah	73
3.5	Kesan Intervensi Kelompok ke atas Remaja Berisiko	75
3.6	Kesan Intervensi Kelompok Terhadap Pembelahan ubah bersandar	78
3.6.1	Kesan Intervensi Kelompok ke atas Penghargaan Kendiri	78
3.6.2	Kesan Intervensi Kelompok ke atas Kemurungan	79
3.7	Rumusan	80

## BAB IV METODOLOGI KAJIAN

4.1	Pendahuluan	81
4.2	Reka bentuk Kajian	82
4.3	Lokasi Kajian	84
4.4	Pemilihan Subjek	84
4.5	Kaedah Pengumpulan Data	89
4.5.1	Kaedah Pengumpulan Data Eksperimen	89
4.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	90
4.6	Kajian Rintis	92
4.6.1	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	92
4.6.2	Kebolehpercayaan Skala Penaksiran Kerisauan Remaja (SPKR)	93

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.7 Menguji Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur Adler	94		
4.8 Prosedur Menjalankan Intervensi	96		
4.8.1 Aliran Intervensi Kelompok	96		
4.8.2 Fokus Kelompok	98		
4.8.3 Tahap Perkembangan Dalam Proses Kelompok Berstruktur Adler	100		
4.8.4 Pengendalian Kelompok Intervensi	104		
4.9 Cara Pemarkatan	104		
4.10 Analisis Data	105		
4.10.1 Analisis Data Pra-ujian	105		
4.10.2 Pengujian Hipotesis	107		
4.10.3 Analisis Data Deskriptif	108		
4.11 Rumusan	109		

## BAB V DAPATAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan	110
5.2 Analisis Data	110
5.2.1 Data Demografi Subjek	111
5.2.2 Skala Penaksiran Kerisauan Remaja	113
a. Subjek Rawatan Lelaki	117
b. Subjek Rawatan Perempuan	122
5.2.3 Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian	126
5.3 Rumusan Bab	167

## BAB VI PERBINCANGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS			
6.1 Pendahuluan	178		
6.2 Rumusan Keputusan Kajian	178		

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
<b>6.3 Perbincangan</b>		<b>183</b>
<b>Hipotesis A</b>	<b>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS</b>	<b>184</b>
Hipotesis B		185
Hipotesis C		191
Hipotesis D		198
Hipotesis E		199
Hipotesis F		200
Hipotesis G		202
Hipotesis H		203
<b>6.4 Implikasi Kajian</b>		<b>204</b>
6.4.1 Implikasi Terhadap Teori Psikologi Individu Adler		205
6.4.2 Sumbangan Terhadap Bidang Keilmuan Kaunseling		210
6.4.3 Implikasi Terhadap Amalan Kaunseling di Sekolah		211
<b>6.5 Masalah Dalam Menjalankan penyelidikan</b>		<b>212</b>
<b>6.6 Saranan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang</b>		<b>214</b>
<b>6.7 Kesimpulan</b>		<b>217</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>219</b>

**LAMPIRAN**

A	Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah Daripada Kementerian pelajaran Malaysia	230
B	Akuan Persetujuan Ibu Bapa / Penjaga dan Pelajar	232
C	Modul Kaunseling Kelompok Adler	233
D	Bahan-Bahan Aktiviti Modul	247
E	Instrumen Kajian	256
F	Analisis Data Bagi Hipotesis Kajian	258
G	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	274
H	Laporan Penilaian Pakar Bagi Kesahan Kandungan Modul	278

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
1.1	Jumlah kes Jenayah Melibatkan Remaja Bersekolah Tahun 2007	7
2.1	Model Perlakuan Remaja Berisiko Jessor	34
4.1	Reka Bentuk Kajian Eksperimen ke atas Remaja Berisiko	82
4.2	Bilangan Subjek Mengikut Kelompok dan Jantina	87
4.3	Sub Skala Penaksiran Kerisauan Remaja (SPKR)	90
4.4	Nilai Kesahan Instrumen SPKR	92
4.5	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen SPKR	94
4.6	Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur Adler	95
5.1	Analisa Data Demografi Subjek Kajian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	112
5.2	Keputusan Analisis Deskriptif Menunjukkan Perbezaan Min Persepsi Terhadap keluarga, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Pra-Ujian dan Pos-Ujian Subjek Kelompok Rawatan.	114
5.3	Keputusan Analisis Deskriptif Menunjukkan Perbezaan Min Persepsi Terhadap keluarga, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Pra-Ujian dan Pos-Ujian Subjek Kelompok Kawalan.	115
5.4	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pra Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	128
5.5	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Kawalan.	133

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      138      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

5.6	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Rawatan.	138
5.7	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan.	143
5.8	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Rawatan Lelaki	148
5.9	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Lelaki dan Kumpulan Kawalan Lelaki	153
5.10	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Rawatan Perempuan.	158
5.11	Ujian-t Melihat Perbezaan Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Kajian Dalam Ukuran Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Perempuan dan Kumpulan Kawalan Perempuan.	163

## **SENARAI RAJAH**

No. Rajah

2.1	Model Kerangka Intervensi Kaunseling Kelompok	60
	Adlerian ke atas Remaja Berisiko	60
4.1	Carta Aliran Pemilihan Subjek dan Intervensi	86
	Eksperimental	
4.2	Pengagihan Subjek rawatan dan kawalan berdasarkan	87
	Pair Random Sampling	
4.3	Aliran Pengagihan Subjek Berdasarkan Kelompok	97
	Dalam Proses Intervensi dan Pengumpulan Data	

**SENARAI SINGKATAN**

<b>K</b>	Kelompok Kawalan
<b>KL</b>	Kelompok Kawalan Lelaki
<b>KMR</b>	Kemurungan
<b>KP</b>	Kelompok Kawalan Perempuan
<b>PK</b>	Penghargaan Kendiri
<b>PKR</b>	Penghargaan Kendiri Rakan Sebaya
<b>PKS</b>	Penghargaan Kendiri Sekolah
<b>PTK</b>	Persepsi Terhadap Keluarga
<b>RB</b>	Remaja Berisiko

<b>01</b>	Ujian pra
<b>02</b>	Ujian pos
<b>RL</b>	Kelompok Rawatan Lelaki
<b>RP</b>	Kelompok Rawatan Perempuan
<b>X</b>	Intervensi
>	Lebih Daripada
<	Kurang Daripada
<b>x</b>	Min
<b>n</b>	Bilangan Sampel
<b>d</b>	Beza Min Skor Sebelum dan Selepas
<b>p</b>	Nilai Kebarangkalian
<b>Sd</b>	Sisihan Piawai
<b>T</b>	Perbezaan Dua Sampel Tidak Bersandar
<b>Df</b>	Darjah Kebebasan

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa tajuk utama yang menjadi fokus dalam kajian ini. Latar belakang kajian remaja berisiko dibincangkan dengan menjelaskan beberapa aspek tentang remaja berisiko seperti usaha mengenal pasti ciri-ciri dan proses intervensi pencegahan sebagai langkah awal untuk membantu remaja berkenaan. Di samping itu bab ini turut membincangkan permasalahan kajian, tujuan kajian, definisi konsep dan hipotesis kajian.

#### 1.2 Latar belakang kajian

mereka dalam usaha untuk merealisasikan wawasan ke arah menggapai sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Namun persoalannya adakah remaja yang sebahagian besar daripadanya terdiri dari pelajar-pelajar sekolah mampu untuk menggalas tanggungjawab ini, sedangkan sejak akhir-akhir ini golongan ini sarat dilanda pelbagai kemelut seperti masalah disiplin dan keruntuhan akhlak yang begitu meruncing sekali. Fenomena ini begitu berleluasa baik di negara barat ataupun di timur khususnya di negara kita sendiri, rentetan daripada itu maka ramai para sarjana telah dan sedang membuat kajian bertujuan untuk mencari jawapan, rawatan dan formula baru bagi menangani gejala ini. Para sarjana mahupun badan-badan profesional mengkategorikan dan mengklasifikasikan jenis-jenis perlakuan bermasalah remaja dengan cara tertentu. Pelajar berisiko berdasarkan Piawaian Iowa (2007) dalam pernyataan oleh Jabatan Pelajaran Iowa yang diterbitkan oleh Washington DC, mengkategorikan pelajar berisiko memiliki ciri-ciri spesifik seperti berikut iaitu pencapaian rendah, tidak berupaya untuk menerima pelajaran, ponteng, kurang berkawan, tidak suka sekolah, masalah disiplin, mengandung, keciciran, tidak melibatkan diri dalam kurikulum, kecenderungan membunuh diri, pengaruh negatif rakan sebaya, mangsa penderaan, tidak dapat mengenal pasti kerjaya yang diminati, kabur hala tuju masa depan, datang dari luar bandar dan bermotivasi rendah. Sementara *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder 4<sup>th</sup>. Edition*, (2000) mengelompokkan simptom kecelaruan tingkah laku remaja ini dalam empat kumpulan iaitu agresif terhadap manusia atau binatang (contohnya memukul atau mengugut rakan sekelas), merosakkan harta benda (contohnya vandalisme, membakar, menconteng), mencuri dan memperdaya (contohnya berbohong, menipu) dan melanggar peraturan yang serius (kerap ponteng). American Psychiatric Association, (2000).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Menurut Bronfrenbrenner (1979) remaja membesar dan berkembang dalam pelbagai konteks iaitu persekitaran keluarga mereka, komuniti dan negara. Mereka dipengaruhi oleh rakan sebaya, adik-beradik dan orang dewasa yang signifikan, pegangan agama, sekolah dan kumpulan sosial yang signifikan dalam konteks kehidupan mereka. Di samping itu mereka juga dipengaruhi oleh media, budaya tempat mereka membesar dan polisi serta dasar kerajaan. Pendeknya mereka adalah produk kepada persekitaran dan pengaruh sosial.

Bronfrenbrenner (1979) membangunkan model ekologi untuk memahami pengaruh sosial ke atas remaja. Beliau mengutarakan empat konsep utama iaitu Mikrosistem (*Microsystem*), Mesosistem (*Mesosystem*), Eksosistem (*Exosystem*) dan Makrosistem (*Macrosystem*). Mikrosistem termasuklah keluarga iaitu faktor yang sangat mempengaruhi kemudian diikuti oleh rakan sebaya, sekolah, jiran tetangga dan kumpulan sosial yang ada bersama mereka. Mesosistem pula melibatkan hubungan resiprokal atau interaksi timbal balas di antara *setting* mikrosistem, ini bermakna perkembangan sosial remaja dipengaruhi oleh pelbagai sumber yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain, sebagai contoh apa yang berlaku di sekolah mempengaruhi kejadian di rumah dan begitulah sebaliknya. Eksosistem adalah sebahagian dari ekologi sistem yang secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan remaja iaitu seperti pemberhentian pekerjaan yang di alami oleh bapa akan terasa bahangnya terhadap keluarga dan anak remaja. Sementara Makrosistem

lebih kepada kesan daripada pelaksanaan dasar oleh sesebuah negara termasuklah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
dasar pendidikan, ekonomi, politik, agama dan nilai sosial.

Berikut dengan fenomena remaja berisiko ini maka langkah pencegahan merupakan tindakan yang sesuai dalam usaha untuk mengurang atau menghapuskan tingkah laku bermasalah daripada berlaku. Ramai pakar percaya langkah pencegahan melalui pembangunan belia yang berjaya perlulah merangkumi 5 kriteria berikut iaitu; mempertingkatkan kecekapan akademik, sosial dan kerjaya; menanam keyakinan diri dan menaikkan estim kendiri (*self-esteem*); memelihara hubungan yang kuat di antara remaja dengan mentor dewasa (*adult mentor*) dan di antara rakan-rakan; membina watak dan menanam nilai-nilai positif; dan menyemai perasaan sayang dan belas kasihan terhadap orang lain Roth et.al.,(1998).

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa intervensi kaunseling pencegahan pada peringkat awal sebelum terjadinya krisis boleh mengurangkan risiko keciciran dalam kalangan pelajar Hayes et.al., (2002). Intervensi kaunseling juga dilaporkan berjaya membantu pelajar mengurangkan kerisauan Cheek et.al., (2002). Disamping itu pelajar-pelajar yang menjalani program kaunseling juga dilaporkan lebih positif serta memiliki rasa kepunyaan dan selamat di sekolah mereka Lapan et.al., (1997).

Justeru itu, dalam kajian ini satu model kaunseling kelompok berstruktur Adler telah dibangunkan sebagai intervensi awal dengan memberi penekanan kepada proses pencegahan dan perkembangan. Pendekatan kelompok Adler ini dipilih kerana konsep-konsep dan pandangannya adalah secocok dengan perkembangan remaja itu sendiri serta selari dengan kerangka remaja berisiko. Ini memungkinkan intervensi yang menggunakan pendekatan kelompok Adler ini dapat memberikan impak

maksima serta hasil yang terbaik. Kesan daripada proses intervensi tersebut dijangka dapat dilihat melalui data yang dikumpulkan dan dianalisis secara kuantitatif berdasarkan skor min pra-ujian dan pos-ujian ke atas beberapa pemboleh ubah bersandar yang berkait rapat dengan ciri-ciri remaja berisiko tersebut. Diharapkan kajian terhadap intervensi peringkat awal ke atas remaja berisiko ini mencetuskan perspektif baru dalam memahami fenomena masalah remaja terutamanya di peringkat persekolahan. Langkah ini juga diharapkan dapat mencetuskan minda dan seterusnya dijadikan model kepada pihak yang berautoriti, khususnya pihak sekolah menerusi aktiviti perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam usaha pencegahan peringkat awal bagi menangani perlakuan bermasalah dalam kalangan pelajar yang semakin meruncing dewasa ini.

### 1.3 Permasalahan kajian

Kes yang melibatkan salah laku remaja di Malaysia didapati meningkat dan begitu membimbangkan dewasa ini. Antara kes yang dilaporkan melibatkan golongan remaja ialah seperti gengsterisme, membunuh, merogol, menyamun, peras ugut, memukul, perlakuan lucah, kes salah laku dadah, minum minuman keras, memiliki senjata api, menceroboh, berjudi dan membuli.

Kes yang membabitkan tingkah laku ganas remaja pada hari ini semakin

menular bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar, lebih mengejutkan lagi gejala ini merebak juga di sekolah agama. Contohnya pada tahun 2003, melibatkan seorang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS akibat dibelasah oleh seorang pelajar senior tingkatan lima di sekolah. Kejadian yang mengerikan ini terus menjadi-jadi tahun demi tahun. Dalam bulan Januari 2007, negara kita digemparkan dengan berita kematian seorang pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Teknik Bintulu, Sarawak. Methews Mering, 16 tahun dibelasah dengan kejam oleh 18 pelajar sehingga mati, Jamil (2007).

Tingkah laku ganas pelajar ini bukan sahaja berlaku di kawasan sekolah, namun berlaku juga di Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Padang Hijau Kluang, Johor. Kes tersebut melibatkan seorang pelatih Haziq Jaafar yang meninggal dunia kerana cedera di tengkuk akibat ditendang oleh pelatih lain. Punca pergaduhan tersebut adalah disebabkan oleh sebatang rokok, Utusan Malaysia, (2006).

Selain daripada tingkah laku ganas, remaja Malaysia terbabit juga dengan salah laku vandalisme. Merujuk kepada statistik Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kaunseling di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dalam Berita Harian keluaran 30 Disember 2003, kes baru juvana bersalah yang didaftarkan pada tahun 2002 telah mencecah 5, 139 orang. Daripada jumlah itu, 3, 250 kes (63.2 peratus) kesalahan remaja itu adalah bersabit dengan harta benda. Beliau berpendapat bahawa kebanyakan remaja terbabit dengan kegiatan itu kerana disebabkan oleh pengaruh kawan dan faktor tolakan dalam keluarga sendiri, Berita Harian (2003). Konotasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS daripada itu juga bilangan pelajar yang telah dibuang sekolah meningkat kepada 7,000 UNIVERSITI PEN

orang sementara 15,000 orang lagi digantung dari persekolahan kerana terlibat dengan pelbagai kesalahan jenayah, Berita Harian, (2006).

Statistik terbaru dibentangkan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Wira Muhammad Sabtu Osman, menunjukkan pembabitan pelajar dalam jenayah kekerasan pada tahun 2007 adalah seperti berikut; merusuh 39 kes, samun berkawan tanpa senjata 14 kes, samun 12 kes, samun mendatangkan kecederaan 7 kes, samun berkawan bersenjata api 5 kes, ugutan jenayah 5 kes, pemerasan 2 kes dan rogol 2 kes. Bagi jenayah harta benda yang membabitkan pelajar pula ialah curi motosikal 109 kes, curi 63 kes, pecah rumah siang dan malam 21 kes dan ragut 5 kes, Harian Metro (2008).

Jadual 1.1

Jumlah kes Jenayah Melibatkan Remaja Bersekolah Tahun 2007.

Jenis Kesalahan	Jumlah Kes Jenayah
Merusuh	39
Samun berkawan tanpa senjata	14
Samun	12
Samun mendatangkan kecederaan	7
Samun berkawan bersenjata api	5
Ugutan jenayah	5
Pemerasan	2
Rogol	2
<b>Jumlah</b>	<b>86 kes</b>

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 Atas kesedaran inilah maka kaunseling kelompok berstruktur Adler yang berteraskan  
 pendekatan kaunseling Psikologi Individu Adler dibangunkan yang bertujuan untuk  
 memberikan intervensi berbentuk pencegahan dan perkembangan ke atas diri remaja  
 tersebut.

## **1.4    Objektif kajian**

Objektif kajian ini dibuat adalah untuk melihat kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur Adler ke atas remaja berisiko. Objektif kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus.

### **1.4.1 Objektif umum kajian eksperimen**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengukur:

1. kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur Adler ke atas remaja berisiko yang mengikuti dengan yang tidak mengikuti.
2. kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur Adler ke atas remaja berisiko mengikut gender.

Melalui kajian ini kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur Adler ke atas remaja berisiko dapat dilihat terhadap pemboleh ubah terikat berikut:

- i.       Persepsi Terhadap Keluarga (PTK)
- ii.      Penghargaan Kendiri (PK)
- iii.     Kemurungan (KMR)